



SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN myGAP TANAMAN BUKAN MAKANAN

Tarikh : 4 Ogos 2021 (Rabu)
Tempat : Kompleks Pertanian Lundang, Kota Bharu, Kelantan

4 Ogos 2021, Kelantan - Majlis Pelancaran myGAP Tanaman Bukan Makanan pada hari ini dirasmikan oleh YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Turut hadir sama, YBhg. Datuk Mohd Nasir bin Warris, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia. Pelancaran ini bertujuan memperkenalkan skop baharu myGAP sub sektor tanaman iaitu myGAP Tanaman Bukan Makanan (myGAP.TBM). Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan para petani dan peladang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (APB) dalam melaksanakan aktiviti pertanian di negara ini. Kesemua aspek APB ini dinilai melalui 17 elemen, antaranya kebolehesanan, pemilihan tapak/lokasi, pengurusan penyakit dan perosak, penuaian, pasca tuai, pemprosesan dan penyimpanan.

Pensijilan myGAP.TBM adalah bagi tanaman selain untuk makanan dan tidak digunakan dalam penyediaan makanan manusia serta haiwan. Sebagai contoh, industri florikultur, tanaman hiasan dan bunga-bunga hiasan seperti pokok palma, pokok bunga, turf (golf), rumput landskap dan sebagainya.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2002 sehingga Julai 2021, sebanyak 7,405 ladang tanaman padi, sayur, buah dan lain-lain jenis tanaman telah dipersijilkan myGAP dengan keluasan 33,553 hektar. Penerima sijil myGAP pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak 135% iaitu sebanyak 1,671 penerima berbanding 710 orang pada tahun 2018. Statistik ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran petani tentang kepentingan myGAP telah meningkat terutamanya keperluan myGAP untuk mendapat akses ke pasaran antarabangsa. Selain itu, petani menyambut baik usaha Jabatan Pertanian dalam memastikan kelestarian alam sekitar dan ekosistemnya terpelihara.

Pensijilan myGAP sub sektor tanaman ini adalah antara langkah yang baik dalam memberi lebih pilihan kepada petani untuk memohon skim pensijilan yang bersesuaian dengan kaedah penanaman dan juga jenis tanaman yang ditanam. Sementara itu, myGAP.TBM ini turut memberi peluang kepada pengusaha tanaman bukan makanan untuk dipersijilkan. Pensijilan secara sukarela ini memerlukan kaedah yang lebih kreatif dalam menyampaikan maklumat kepada petani tentang kepentingan melaksanakan APB dan tanggungjawab mereka dalam memastikan hasil pertanian adalah mesra pengguna, memelihara alam sekitar dan menjaga keselamatan serta kebajikan pekerja. Peladang dan petani boleh menghubungi Pejabat Pertanian Daerah yang berhampiran untuk mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat lanjut berkaitan myGAP.

###

Jabatan Pertanian Malaysia
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Tel : 013-421 1600 (Encik Rizal)/ 017-937 1350 (Encik Fikri)
E-mel : pro@doa.gov.my